

BESTEDY 24

Betahistine Dihydrochloride Tablets BP 24mg

Betahistine Dihydrochloride (24mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BESTEDY
2. Bagaimana BESTEDY berfungsi
3. Sebelum menggunakan BESTEDY
4. Cara menggunakan BESTEDY
5. Semasa menggunakan BESTEDY
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BESTEDY
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan BESTEDY

BESTEDY digunakan untuk:

Penyakit *Ménière* - tanda-tandanya termasuklah:

- berasa pening berpusing (*vertigo*)
- telinga berdesing (*tinnitus*)
- hilang pendengaran atau kesukaran mendengar

Merawat tanda-tanda penyakit *vestibular vertigo* iaitu sejenis penyakit di bahagian dalam telinga

Bagaimana BESTEDY berfungsi

Betahistine dihydrochloride dikatakan berfungsi dengan membantu pengaliran darah di bahagian dalam telinga dan mengurangkan tekanan.

Sebelum menggunakan BESTEDY

- Bila tidak boleh menggunakan

- jika anda alah kepada *betahistine* atau mana-mana bahan dalam ubat ini.
- jika anda mempunyai *pheochromocytoma*, sejenis ketumbuhan di kalenjar adrenal

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil BESTEDY jika anda mengandung, sedang cuba untuk mengandung atau rasa anda mungkin mengandung.

Jangan ambil BESTEDY jika anda menyusukan anak. Tanya nasihat doktor anda atau ahli farmasi anda sebelum mengambil apa-apa ubatan.

- Sebelum menggunakan BESTEDY

Jika anda mempunyai mana-mana keadaan dibawah, tanya doktor anda sama ada anda boleh mengambil tablet *Betahistine*. Kumpulan pesakit ini mesti mendapat perhatian doktor semasa dirawat.

- Ulser perut
- Asma
- Gegata, ruam kulit atau hidung tersumbat disebabkan tindakbalas alahan, kerana ia mungkin menjadi lebih teruk
- Tekanan darah rendah

Kanak-kanak

Betahistine tidak disyorkan untuk yang berumur di bawah 18 tahun.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor khususnya jika anda ada mengambil:

- *Antihistamine*- ini kerana *Betahistine* mungkin tidak dapat berfungsi dengan baik. *Betahistine* juga boleh mengurangkan kesan *antihistamine*
- Perencat Monoamine-oxidase (MAOIs)-digunakan untuk merawat kemurungan atau penyakit *Parkinson*. Pendedahan kepada *Betahistine* juga mungkin meningkat.
- Jika anda ada mengambil ubatan di atas (atau jika anda tidak pasti), bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil *Betahistine*.

Cara menggunakan BESTEDY

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos untuk dewasa adalah 48mg dibahagikan dalam sehari.

24mg tablet

1 tablet

2 kali sehari

Dos perlu disesuaikan mengikut tindakbalas individu. Kesan positive mungkin hanya dilihat selepas 2 minggu rawatan. Kesan terbaik kadangkala dilihat selepas beberapa bulan rawatan. Rawatan pada peringkat awal penyakit mungkin mengelakkan penyakit menjadi bertambah teruk atau kehilangan pendengaran pada peringkat lanjut penyakit.

- Telan tablet dengan air
- Ambil Tablet dengan makanan atau selepas makan.

Betahistine boleh menyebabkan sedikit masalah pada perut. Pengambilan *Betahistine* dengan makanan boleh mengurangkan masalah pada perut.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaa ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Jika anda atau sesiapa mengambil terlalu banyak (terlebih) tablet *Betahistine*, anda mungkin berasa loya, mengantuk, mengalami sakit perut, muntah atau sawan. Beritahu doktor anda atau pergi ke hospital dengan segera. Bawa bungkusan *Betahistine* tersebut bersama anda.

Semasa menggunakan BESTEDY -
Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan BESTEDY.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi BESTEDY dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Betahistine mungkin tidak mengganggu kepada keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan alatan atau mesin. Walaubagaimanapun, perlu diingatkan bahawa penyakit yang dirawat dengan

Betahistine (Ménière's disease) boleh menyebabkan anda berasa pening atau tidak sihat, dan boleh mengganggu keupayaan anda untuk memandu dan menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang pernah dialami oleh pesakit yang dirawat dengan *Betahistine* diklasifikasikan mengikut kekerapan seperti dibawah: sangat biasa, biasa, tidak biasa, jarang, sangat jarang dan tidak diketahui.

Masalah Sistem Pencernaan

Biasa: loya dan ketidakhadaman

Masalah Sistem Saraf

Biasa: sakit kepala

Masalah Sistem Imun

Tindakbalas alahan mungkin dilaporkan

Masalah Sistem Pencernaan

Gastrik ringan (contoh: muntah, sakit perut, ketegangan perut, kembung perut) mungkin terjadi. Masalah ini biasanya boleh diatasi dengan mengambil dos dengan makanan atau mengurangkan dos.

Masalah Kulit dan Tisu Bawah Kulit

Tindakbalas alahan pada kulit dan tisu di bawah kulit mungkin dilaporkan, khususnya pembekakan kulit pada muka, leher atau tangan dan kaki, gegata, ruam dan kegatalan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (*Consumers* → *Reporting* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan product name

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet tidak bersalut berbentuk bulat, berwarna putih ke putih pudar, dicetak dengan huruf 'X' dan garis pemisah pada satu sisi dan '89' pada sisi yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Betahistine Hydrochloride

- Bahan tidak aktif

Cellulose microcrystalline (Avicel pH 101), Mannitol, Povidone, Crospovidone, Citric acid, anhydrous, Cellulose microcrystalline (Avicel PH 112), Silica colloidal

- Nombor MAL

MAL20126018AZ

Pengilang

Aurobindo Pharma Limited,
Unit-III, Survey No: 313 314,
Bachupally Village, Bachupally Mandal,
Medchal-Malkajgiri District, Hyderabad,
Telangana, 500090, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

UNIMED SDN BHD No.53 Jalan
Tembaga SD 5/2B, Bandar Sri
Damansara, 52200 Kuala Lumpur

Tarikh kemaskini RiMUP

15/10/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)230925/1146